

## STRATEGI KUTIPAN ZAKAT: EKSPLORASI ISU KONTEMPORARI

### *Zakat Collection Strategy: Contemporary Exploration Issues*

**Mohd Farihal Osman<sup>1</sup>**

**Muhammad Nasri Md Hussain<sup>2</sup>**

**Shuhairimi Abdullah<sup>3</sup>**

**Nadratun Nafisah Abdul Wahab<sup>4</sup>**

1. Kordinator Perundingan Institut Penyelidikan Zakat dan inovatif UUM, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia. anmadinah@hotmail.com; farihal@uum.edu.my

2. Dekan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Univeristi Utara Malaysia. mnasri@uum.edu.my

3. Pensyarah, Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Tekno Komunikasi (iKOM), Univerisiti Malaysia Perlis. shuhairimi@unimap.edu.my

4. Pembantu Penyelidik, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, Univeristi Utara Malaysia. nadratun@yahoo.com

Diterima: 1 Februari 2019 Diproces: 15 Februari 2019 Diterbitkan: 3 Mac 2019

---

**Abstrak:** Kutipan zakat oleh Institusi zakat di Malaysia secara amnya sedang meningkat. Namun begitu, institusi zakat dilihat memerlukan perancangan jangka panjang berbanding amalan sedia ada iaitu perancangan secara tahunan. Hal ini adalah kerana pelbagai isu baru akan dihadapi dan ia menjadi cabaran kepada institusi zakat. Antara cabaran akan dihadapi pada masa hadapan adalah seperti isu tanah pertanian yang tidak diwarisi oleh pembayar zakat yang baik, pengecilan jumlah pekerja kerana permasalahan ekonomi, isu perubahan polisi dan isu-isu semasa lain. Oleh itu, institusi zakat khususnya Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) memerlukan pelan tindakan jangka panjang supaya lebih fokus kepada peluang-peluang dan sentiasa mengekalkan momentum mereka walaupun dilanda isu-isu semasa yang bersilih ganti. Semoga dengan adanya plan tindakan ini, dapat membantu dan menjadi pemandu kepada pengurusan zakat yang berprestasi tinggi pada masa hadapan.

**Kata kunci:** Pelan Strategik, LZNK, Institusi Zakat, Prestasi

*Abstract: Zakat collections by zakat institutions in Malaysia were generally increasing. However, zakat institutions was seen to require long-term planning over existing practices ie annual planning. This was because various new issues will be faced and it will be a challenge for zakat institutions. Among the challenges faced in the future was the issue of agricultural land that was not inherited by good paying zakat, the reduction of the number of employees due to economic problems, policy change issues and other current issues. Therefore, zakat institutions, especially the Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), required long-term action plans to focus more on opportunities and to maintain their momentum despite the current issues of alternatives. Hopefully, with this plan of action will help and guide the high performance zakat management in the future.*

**Keywords:** Strategic Plan, LZNK, Zakat Institution, Performance

---

## PENGENALAN

Kajian-kajian tentang prestasi sentiasa dilakukan oleh para pengkaji kerana keperluannya yang sangat ketara kepada umat Islam. Penulisan ini cuba untuk melihat isu-isu terbaru dan dapatan-dapatan daripada pengkaji-pengkaji lalu berkaitan dengan peningkatan prestasi kutipan zakat. Hal ini bertujuan sebagai rujukan pelaksanaan pelan strategik Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Plan strategik untuk institusi zakat didapati dapat berperanan untuk memetakan pelaksanaan yang sepadan dengan fungsi-fungsi zakat khususnya bahagian pengutipan zakat (Aboramadan, 2016; Wahid et al., 2013; Wahid & Noor, 2018). Menurut statistik, kutipan zakat secara amnya meningkat daripada 2017 hingga 2018 (LZNK, 2018). Tidak dinafikan kajian-kajian yang giat dilaksanakan sebelum ini telah menyumbang kepada kejayaan ini.

Negeri Kedah mempunyai model pengurusan zakat berlainan dengan negeri lain di Malaysia. Ini disebabkan ia diuruskan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang ditubuhkan di bawah enakmen khas berkaitan pengurusan zakat yang tidak bernaung di bawah Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAINK). Ia terus melaporkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah (Sulong & Ali, 2012). Visi LZNK adalah untuk menjadi pemangkin pembangunan sosio-ekonomi kepada umat Islam khususnya di negeri Kedah. Misi LZNK adalah untuk memberikan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada pembayar dan asnaf zakat, bekerjasama dengan pelbagai pihak, pembangunan modal insan yang cekap dan dinamik, aplikasi teknologi terkini serta kajian penambahbaikan setiap masa. Keperluan kutipan zakat ini merupakan perkara asas yang menjadi fokus utama malahan berdasarkan statistik negara, Kedah merupakan negeri kedua termiskin di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2016; Wardini, 2016). Tanggungjawab yang berat ini memerlukan strategi, perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada pembayar dan asnaf zakat, melalui bekerjasama dengan pelbagai pihak. Oleh kerana keunikan dan hasrat tinggi institusi zakat Kedah, LZNK memerlukan pelan strategik bagi memandu dan memenuhi misi serta visi yang telah ditetapkan.

Menurut saranan pengkaji Kasim (2018), untuk melonjakkan prestasi institusi zakat, pengurusan zakat memerlukan pentadbiran yang tersusun (*proper administration*), professional, terulus dan kerap/berkadar (*propotional*). Walaupun zakat perniagaan merupakan ibadah yang difardhukan oleh Allah s.w.t ke atas umat Islam, namun prestasi kutipannya tidak menunjukkan indikasi yang jelas akan kepatuhan umat Islam di Malaysia dalam mematuhi kewajipan ini secara menyeluruh (Haliza Md Arif et. al. 2011). Hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana zakat wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam. Secara umumnya, statistik kutipan zakat setiap tahun semakin meningkat di antara negeri-negeri di Malaysia walaupun dengan prestasi yang sederhana. Ia dipacu oleh wujudnya jumlah pembayar zakat baharu setiap tahun (Ramli & Hamdan, 2017). Dapatan-dapatan ini telah menunjukkan bahawa institusi zakat memerlukan pelan jangkamasa panjang khususnya kepada LZNK sebagai kaedah baru bagi menguruskan pentadbiran, menambahkan keyakinan dan seterusnya merancang zakat ini menjadi ritual pilihan dalam usaha institusi zakat menjadi tumpuan pembayar zakat. Seterusnya dengan kejayaan pelaksanaan pelan strategik ini, diharap ia dapat melonjakkan prestasi zakat LZNK.

## PENGURUSAN STRATEGIK

Pengurusan strategik adalah satu set keputusan dan pelaksanaan untuk memformulasi dan menggunakan strategi yang dapat menyediakan persaingan yang baik antara organisasi dan

persekitaran supaya ia dapat mencapai matlamat organisasi (JAWHAR, 2017; Majid, 2009; Mei, 2012). Apakah perubahan dan corak yang akan berlaku dalam persekitaran persaingan? Apakah tindakan yang akan menyebabkan matlamat dicapai? Ia dilaksanakan melalui pengurusan strategik, pentakrifan eksekutif dan halatuju organisasi, yang menjadi strategi terpenting kepada firma. Melalui kaedah baru menggunakan pelan strategik, LZNK dijangka dapat merancang aktiviti mereka seterusnya dapat menguruskan LZNK secara strategik (JAWHAR, 2017; Majid, 2009; Wahid & Noor, 2018).

### **Kaedah Kajian**

Dapatan daripada hasil kajian-kajian lalu telah dikumpulkan sebagai rujukan bagi melihat perkembangan pengutipan zakat. Hasil;kajian yang dikumpulkan adalah daripada sumber terkini iaitu dalam masa setahun yang lalu. Dapatan-dapatan ini dianggap penting dalam menerangkan secara terkini tentang senario semasa kajian-kajian yang telah dilakukan secara pembacaan dan di lapangan. Dapatan telah dibahagikan kepada dua iaitu persekitaran dalaman dan persekitaran luaran (Daft, 1988). Dapatan-dapatan ini sesuai digunakan untuk kajian seterusnya. Dalam penulisan ini, dapatan dikumpulkan untuk dicadangkan sebagai pelan starategik kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah Darulaman.

### **Kajian Literatur**

Persekitaran strategik terbahagi kepada dua bahagian iaitu persekitaran dalaman dan persekitaran luaran. Kekuatan dalaman adalah karekter positif organisasi yang digunakan untuk mencapai matlamat prestasi strategik. Manakala kelemahan dalaman akan menghalang pencapaian prestasi (Daft, 1988). Oleh itu, kelemahan-kelemahan ini dikenalpasti menerusi kajian-kajian lalu untuk diambil perhatian dalam pelan strategik LZNK.

### **Menyelidik Persekitaran Dalaman**

Kajian Sargeant dan Lee (2002) menyatakan bahawa penyampaian maklumat yang konsisten dan bersifat terbuka kepada pihak berkepentingan menunjukkan institusi zakat melaksanakan urusan zakat dengan cekap dan amanah. Ini sekaligus dapat menanamkan sifat kepercayaan di dalam diri pihak berkepentingan ini. Justeru,persepsi positif ini mampu membina kepercayaan yang baik kepada institusi zakat (Zainal, 2017). Tambahan pula, kepercayaan yang baik mampu meningkatkan hasil kutipan zakat di samping memberi kesan kepada peningkatan keyakinan orang ramai. Manakala dari segi keagamaan, tiga dimensi perlu dilihat untuk kepatuhan zakat iaitu 1) kewajiban menunaikan zakat, 2) kebajikan dan akhlak, dan 3) zakat sebagai ritual pilihan (Abdullah & Sapiei, 2018).

Hasil kajian mendapati majoriti responden bersetuju dengan cadangan mengkodifikasikan Akta Zakat Nasional. Persetujuan ini dipengaruhi oleh faktor umur, tahap pendidikan dan persepsi kodifikasi dalam kalangan pembayar zakat. Manakala para amil dipengaruhi oleh faktor perjawatan dan persepsi kodifikasi zakat. Kajian mencadangkan penubuhan Majlis Zakat Negara (MZN) supaya akta ini dapat direalisasikan segera, berteraskan konsep federalisme fiskal terhadap sentralisasi (kutipan) dan desentralisasi pentadbiran (agihan) bagi menyokong dasar kutipan dan agihan zakat yang lebih baik dan seimbang (Mohamed Esa, Mohd Noor, & Wahid, 2018)

Beberapa dapatan telah dikenalpasti dalam kajian berkenaan maklumbalas ulama untuk meningkatkan sistem E-Zakat melalui kajian kualitatif di Jawa Tengah, Indonesia. Pertama,

Sistem E-Zakat mesti dipenuhi secara akauntabiliti, ketelusan dan kecekapan serta yang paling penting tidak melanggar peraturan Syariah. Kedua, Amil harus mendapat latihan yang tepat untuk memahami kriteria Mustahiq dan kemahiran organisasi sebagai institusi untuk pengurusan zakat. Ketiga, pemimpin masjid harus dapat memainkan peranan aktif dan menjaga keharmonian sebagai 'Amil Zakat' sehingga berpotensi membantu mengurangi jumlah kemiskinan, terutama di Danukusuman, Jawa Tengah (Mulyadi, Arif Rahman Hakim, Ade Sofyan Mulazid, Supriyono, & Endah Meiria, 2018). Manakala peranan amil yang baik adalah yang mempunyai: 1). Tadbir urus profesional, 2) Kuantiti dan kualiti sumber manusia, 3) Sokongan orang ramai, terutama komuniti Islam (Hakim, Mulazid, ., & Meiria, 2018).

Kajian mendapati cadangan mewujudkan logo mendapat reaksi yang positif dan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembentukan identiti serta imej CSR sesebuah organisasi atau syarikat. Oleh itu, jika logo digunakan dalam membangunkan dasar untuk memperkasakan sikap pekerja terhadap zakat, ia berpotensi membantu meningkatkan kutipan Zakat, kerana ia dapat membina sikap positif yang lebih baik (Muslim, 2018).

### **Menyelidik Persekitaran Luaran**

Manakala dalam teori gelagat terancang, Ajzen (1991) mendefinisikan sikap sebagai penilaian individu terhadap sesuatu penerimaan atau sebaliknya dalam melaksanakan sesuatu gelagat. Sikap yang positif, seronok dan optimis (Fazio et al., 1989) terhadap institusi zakat dapat menggalakkan pembayar zakat untuk membayar zakat secara terus kepada institusi tersebut. Apabila masyarakat mempunyai tahap kepercayaan yang rendah terhadap sesebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan, maka keinginan mereka untuk menyalurkan derma dan sokongan akan menurun. Hal ini boleh dikaitkan dengan LZNK kerana ia merupakan organisasi yang tidak berasaskan keuntungan dan ia juga bergantung kepada tahap kepercayaan masyarakat untuk menyumbangkan zakat kepada institusi ini. Selain itu, persepsi negatif masyarakat terhadap agihan zakat mempengaruhi pembayar zakat untuk mencari alternatif lain dengan membayar zakat secara terus kepada asnaf. Hal ini kerana, perasaan puas hati merupakan salah satu faktor yang mendorong individu dalam menentukan tempat pembayaran zakat dilakukan. Semakin tinggi perasaan puas hati individu terhadap pengurusan agihan pusat zakat, semakin tinggi tahap kepercayaan untuk membayar zakat di institusi formal (Zainal, 2017).

Terdapat pengkaji mendapati bahawa kemiskinan, dalam kalangan pengusaha pertanian padi. Ia berlaku kerana daya pengeluaran yang rendah disebabkan pengurusan tanah yang tidak ekonomik, pulangan bersih yang sedikit dan kos-kos input (seperti racun, membajak dan sewa tanah) yang meningkat. Selain itu, saiz tanah kecil, hasil pengeluaran yang tidak bertambah, perpindahan buruh sawah padi, kurang perhatian bagi tanaman lain dan aktiviti-aktiviti ladang, menyebabkan zakat tanaman padi berkurang (Ahmaf Fahme Mohd Ali, Mohd Faifol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, 2014). Oleh itu, cara yang dicadangkan oleh pengkaji Wahid dan Noor, (2018), peranan institusi masjid yang telah terbukti keberkesannya dalam menyebarkan pengetahuan berkaitan fatwa zakat kepada masyarakat malahan berupaya menjadi pembayar zakat yang baik. Selain itu, kesedaran tentang ramai asnaf yang memerlukan zakat juga menjadi juga menjadi faktor motivasi kepada kejayaan kutipan zakat.

Terdapat dapatan yang mengatakan 'wanita Muslim bekerja' kurang mematuhi kewajipan zakat berbanding dengan pasangan lelaki mereka. Dapatan juga mendapati bahawa latar belakang

pendidikan Islam formal tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pematuhan zakat (Abdullah & Sapiei, 2018). Manakala penerimaan (*attitude*) dalam kalangan pekerja kerajaan terhadap pematuhan kewajipan berzakat adalah sangat tinggi (Abashah et al., 2018). Para pekerja dalam sektor kerajaan pula mempunyai norma subjektif yang agak rendah. Mereka masih berdebat untuk melakukan/menunaikan zakat walaupun mereka tahu ia wajib dilaksanakan (Abashah et al., 2018). Manakala para peniaga Muslim di Malaysia inginkan nilai ketara (*tangible*) dalam menentukan kualiti zakat (Saad, Wahab, & Hussain, 2018).

Seterusnya kajian kualitatif kepada pekerja-pekerja di UNISHAMS tentang motivasi untuk membayar zakat adalah 1) Peka tentang kewajipan zakat, 2) Pengetahuan tentang zakat, 3) Untuk Membantu org miskin dan memerlukan, 4) Yakin bahawa zakat diagihkan dengan adil, 5) Untuk mendapat ganjaran di hari akhirat kelak, 6) Untuk membantu memperbaiki komuniti Muslim, 7) Pengaruh daripada Ibu dan Bapa, 8) Pengaruh daripada Amil zakat, 9) Rebat cukai, 10) Untuk membersihkan pendapatan dan harta, 11) Pengaruh daripada pasangan, 12) Pengaruh daripada keluarga, 13) Kemudahan membayar zakat, 14) Pengaruh daripada para ustaz/ustazah/penceramah agama (Haji-Othman, Sheh Yusuff, & Abd Latib, 2018).

Terdapat isu-isu pembayar zakat melalui kaedah pemotongan gaji. Pertama apabila terdapat pengurangan kakitangan disebabkan oleh perubahan fungsi kementerian, akan menyebabkan sebahagian daripada kakitangan berpindah ke kementerian lain. Kedua adalah tiada usaha supaya kakitangan baru membayar zakat melalui potongan gaji, tiada pekeliling yang berkaitan dan tiada usaha daripada pengurusan tertinggi untuk menggalakkan pembayaran zakat melalui potongan gaji. Namun begitu, terdapat peningkatan dalam jumlah kakitangan yang membayar zakat melalui potongan gaji. Penyelidik menganggap bahawa ianya hasil daripada kesedaran ilmu kakitangan melalui potongan gaji. Penyelidik menganggap bahawa ianya kesan daripada kesedaran ilmu kakitangan melalui hebahan atau artikel yang telah dibuat oleh pusat zakat sendiri (Wahid & Noor, 2018).

Dalam kajian Wahid (2018b), berdasarkan data dan temubual/soal selidik dengan responden melibatkan PPZ Melaka, PPZ Negeri Sembilan, PPZ Pulau Pinang, PPZ Johor PPZ Pahang, PPZ Terengganu, PPZ Kelantan dan PPZ Selangor, adalah sukar pembantu tadbir kewangan untuk menasihati atau mendorong kakitangan baru untuk menggunakan mekanisme potongan gaji untuk membayar zakat pendapatan tanpa galakan atau keperahatiran pengurusan tertinggi kementerian/agensi. Justeru peranan pengurusan tertinggi dalam menggalakkan kakitangan untuk menggunakan sistem tersebut adalah penting bagi memudahkan peranan pembantu tadbir kewangan dalam aspek ini.

Di samping itu, institusi zakat mungkin boleh berperanan lebih aktif dengan mengadakan ceramah kesedaran dan kefahaman samada kepada semua kakitangan atau ditumpukan kepada pegawai pelaksana dan pengurusan tertinggi. Dengan kefahaman dan kesedaran tentang zakat memungkin peluang untuk mekanisme pembayaran zakat melalui potongan gaji akan lebih berkesan dan terus berkembang. Institusi zakat juga boleh mempromosi kaedah ini di televisyen untuk mendedahkan mekanisme ini kepada warga Muslim di Malaysia bagi meningkatkan kesedaran tentang sistem ini (Wahid & Noor, 2018).

Selain itu, Zilani dan Wahid (2018) membuat kajian tentang perbandingan tahap pengetahuan mengenai zakat perniagaan di antara peniaga kecil yang membayar zakat dengan tidak membayar zakat. Kajian ini dijalankan terhadap peniaga terpilih yang membayar zakat perniagaan. Soal selidik telah diedarkan secara rawak kepada 50 orang peniaga kecil. Hasil

kajian menunjukkan tahap kesedaran membayar zakat dalam kalangan peniaga kecil adalah masih di tahap yang sederhana.

Manakala pengkaji Wahid (2018) mengharap pihak Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia dapat memainkan peranan penting untuk meningkatkan lagi kesedaran dan bilangan koperasi di Malaysia dalam menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar zakat dengan mengadakan pemantauan di setiap koperasi dan memberi penerangan kepada ahli-ahli lembaga pengarah koperasi agar dapat lebih memahami kepentingan membayar zakat perniagaan.

### **Cadangan Kaedah Baru Dalam Strategi Plan Tindakan Bagi Meningkatkan Prestasi Kutipan Zakat Kedah**

Kutipan zakat oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman (LZNK) didapati secara amnya sedang meningkat (LZNK, 2018). Namun begitu, institusi ini dilihat memerlukan perancangan jangka panjang berbanding amalan sedia ada iaitu perancangan secara tahunan. Dapatan kajian literatur secara amnya telah mencadangkan beberapa tindakan iaitu faktor-faktor dalaman dan faktor-faktor luaran yang perlu diambil perhatian dan tindakan. Oleh itu, LZNK perlu mengambil langkah proaktif dan menyokong kepada pelaksanaan pelan strategik.

Secara amnya, terdapat beberapa faktor dalaman LZNK yang perlu diberikan perhatian dalam merancang perancangan strategik mereka. Cadangan tersebut adalah penambahbaikan maklumat yang konsisten dan bersifat terbuka perlu sentiasa disalurkan kepada orang ramai khususnya penduduk negeri Kedah supaya lebih menyeluruh dan efektif. LZNK perlu meningkatkan kesedaran menunaikan zakat dan menjadikan zakat sebagai ritual pilihan. Begitu juga keperluan mengkodifikasikan Akta Zakat Nasional diharap menjadi tumpuan supaya boleh dilaksanakan dengan baik walaupun masih di bawah pentadbiran Negeri. Seiringin dengan kemajuan teknologi yang menawarkan kemudahan online, E-Zakat didapati sangat efektif kepada pelaksanaan servis LZNK supaya capaiannya lebih meluas. Manakala isu logo juga dibangkitkan supaya diambil perhatian oleh LZNK agar ia menjadi identiti kepada imej LZNK. Di samping itu, LZNK perlu memperkasakan sikap pekerja supaya komited untuk melaksanakan pelan strategi yang telah dirancang.

Manakala tindakan terhadap faktor-faktor luaran berdasarkan hasil kajian lalu juga memerlukan tindakan yang efektif untuk dikemaskini. Dalam membentuk kecenderungan menjalani ibadat zakat dengan LZNK sebagai satu pilihan yang baik kepada para pembayar zakat, perasaan puas hati terhadap agihan juga perlu diketengahkan supaya pembayar merasa seronok dan optimis terhadap LZNK. Kesedaran dalam kalangan wanita Muslim bekerja perlu digilap kerana ia masih pada tahap rendah. Manakala para peniaga memerlukan perkara-perkara yang *tangible* (nampak) membuatkan LZNK perlu memberikan perhatian tentang apa yang dapat menarik pembayar zakat dalam kalangan peniaga. LZNK juga perlu mendapatkan pengaruh daripada para ustaz/ustazah/penceramah agama supaya dapat menyampaikan galakan membayar zakat dengan LZNK melalui tumpuan yang lebih kepada institusi masjid dan kesedaran tentang keperluan para asnaf. Begitu juga kerjasama dan galakan pungurusan tertinggi dalam kalangan kementerian/agensi atau swasta perlu sentiasa dilakukan kerana mereka ia memainkan peranan yang besar untuk membuka minda para pekerja mereka untuk membayar zakat.

## Kesimpulan dan Cadangan

Justeru, isu-isu untuk panduan pelaksanaan pelan strategik merangkumi faktor-faktor dalaman dan luaran telah dikenalpasti melalui hasil kajian-kajian lalu. Dapatan-dapatan ini diharap dapat digunakan oleh LZNK untuk kajian seterusnya dalam merangka Pelan Strategik LZNK. Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu meningkatkan kutipan zakat Kedah dan seterusnya dapat membantu para asnaf di negeri Kedah. Semoga dengan dapatan ini dapat menjadi panduan kepada LZNK membentuk satu set keputusan dan pelaksanaan untuk memformulasi dan menggunakan strategi yang dapat menyediakan persaingan yang baik antara organisasi dan persekitaran supaya ia dapat mencapai matlamat organisasi.

## RUJUKAN

- Abashah, A., Samah, I., Saraih, U., Rashid, I., Ramlan, S., & Radzi, W. (2018). The Impact of Attitude and Subjective Norms towards Zakat Compliance in Malaysia. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(3.21), 171–174. <http://doi.org/10.14419/ijet.v7i3.21.17155>
- Abdullah, M., & Sapiei, N. S. (2018). Do religiosity, gender and educational background influence zakat compliance? The case of Malaysia. *International Journal of Social Economics*, 45(8), 1250–1264. <http://doi.org/10.1108/IJSE-03-2017-0091>
- Aboramadan, M. (2016). Strategic Management Practices As A Key Determinant Of Superior Non-Governmental Organizations Performance. *Problems Of Management In The 21st Century*, 11(2).
- Ahmaf Fahme Mohd Ali, Mohd Faifol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, F. J. (2014). Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 8, 14–26.
- Daft, R. L. (1988). *Management* (4th ed.). DRYDEN.
- Haji-Othman, Y., Sheh Yusuff, M. S., & Abd Latib, M. F. (2018). Motivations for Paying Income Zakat among UniSHAMS' Employees. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10), 619–628. <http://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i10/4768>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). *Laporan penyiasatan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas*.
- JAWHAR. (2017). *Pelan Strategik Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2017-2020*.
- Kasim, N. M. (2018). Implementation of Zakat on Income Management for Coastal Community Empowerment. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 156(1). <http://doi.org/10.1088/1755-1315/156/1/012043>
- LZNK, L. Z. K. (2018). *Info Zakat Edisi Ke-2*.

- Majid, M. Z. H. A. (2009). Perancangan Strategik 5 Tahun Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), (November), 1–14.
- Mei, T. S. (2012). Hubungan antara pengurusan sumber manusia dengan prestasi organisasi sebagai pengantara, 1–331.
- Mohamed Esa, M. S., Mohd Noor, M. A., & Wahid, H. (2018). Proposal on codification of the National Zakat Act and the establishment of the National Zakat Council. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 153–165.
- Mulyadi, Hakim, A. R., Mulazid, A. S., Supriyono, & Meiria, E. (2018). E-Zakat: Redesign the Collection and Distribution of Zakat. *KnE Social Sciences*, 3(8), 433.  
<http://doi.org/10.18502/kss.v3i8.2525>
- Muslim, U. (2018). Cadangan Mewujudkan Logo Pengiktirafan Zakat Perniagaan : Kajian Terhadap Usahawan Muslim di Selangor, (December 2017).
- Ramli, M. A., & Hamdan, M. N. (2017). Isu Kutipan Zakat Merentasi Kajian Dari Perspektif Hukum, (December), 176–186.
- Saad, R. A. J., Wahab, M. S. A., & Hussain, M. H. M. (2018). Perceived service quality of zakat institution among Muslim businessmen in Malaysia. *AIP Conference Proceedings*, 2016(September). <http://doi.org/10.1063/1.5055527>
- Wahid, H. (2018a). Isu Pemilikan Dalam Amalan Pembayaran Zakat Perniagaan : Kajian Terhadap Institusi Koperasi Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, (September).
- Wahid, H. (2018b). Peranan Pelaksana Pembantu Tadbir Kewangan Dalam Peningkatan Kutipan Zakat Pendapatan Melalui Mekanisme Potongan Gaji, (September).
- Wahid, H., Ahmad, S., Kader, R. A., Wan Ahmad, W. M., Yahya, M., Hussin, M., ... Ahmad, R. (2013). Zakat Investment in Malaysia: a Study of Contemporary Policy and Practice in Relation To Shari'a. *Jurnal Syariah*, 17(1), 191–206.
- Wahid, H., & Noor, M. A. M. (2018). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran Kontemporari*.
- Wardini, C. (2016). Kemiskinan dan Pendapatan Isi Rumah. *PersidanganMeja Bulat: Isu Dan Cabaran Institusi Zakat Di Malaysia. Anjuran Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia Dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) Khazanah Research Institute*, (November), 15. Retrieved from  
[http://www.iais.org.my/e/attach/2016/03NOV2016\\_zakat\\_RTD/s1s2.pdf](http://www.iais.org.my/e/attach/2016/03NOV2016_zakat_RTD/s1s2.pdf)
- Zainal, H. (2017). Penentu Kepercayaan Terhadap Institusi Zakat: Kajian Dalam Kalangan Pihak Berkepentingan Di Negeri Kedah Universiti Utara Malaysia.
- Zilani, N. N., & Wahid, H. (2018). Kefahaman dan Kesedaran Membayar Zakat Perniagaan : Kajian terhadap Peniaga Kecil di Bandar Tun Razak , Kuala Lumpur, (September).